

Bersara lewat bukan untuk semua

PERBINCANGAN santai bersama para pelajar mengenai isu lanjutan usia persaraan kakitangan awam kepada 60 tahun menyimpulkan bahawa ada ramai yang tidak begitu menyenangkannya.

Sebabnya jelas iaitu sekiranya ia dilaksanakan, akan semakin pudar peluang mereka untuk menerobos sektor awam selain fenomena pengangguran siswazah yang agak meruncing kini.

Namun, ia bukanlah alasan untuk menolak cadangan ini kerana kredibiliti sektor perkhidmatan awam memerlukan kakitangannya yang bukan sahaja mahir dan pakar malah berpengalaman dalam bidang masing-masing demi memacu kemajuan negara.

Justeru menamatkan khidmat mereka pada usia 56 tahun adalah satu kerugian besar kepada negara, sedangkan kita dapat ada antara mereka pada usia ini masih produktif, bertenaga dan mampu menyumbang untuk pembangunan negara.

Keperluan mendesak terhadap tenaga kerja mahir dan berpengalaman begitu diperlukan di sektor kritikal seperti perubatan, pendidikan selain bidang yang berkaitan dengan komputer dan teknologi maklumat (ICT). Dan, dalam menimbang cadangan menaikkan usia bersara ini, tumpuan hanya perlu diberikan kepada sektor kritikal dan tidak membatikan seluruh jentera pentadbiran awam.

Saya sendiri tidak nampak mengapa

U.M 8/2/07 MS11
perlu bersara daripada perkhidmatan kerajaan seawal usia 56 tahun. Malah cadangan yang telah saban kali disuarakan oleh Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) ini seharusnya disambut baik oleh kerajaan. Tambahan pula, ia diperkenalkan oleh British sejak 1950-an.

Dalam konteks sekarang di mana ekonomi bergerak pantas dan tenaga kerja mahir serta berpengalaman luas amat diperlukan, usia bersara 56 tahun dilihat sudah tidak relevan lagi. Secara perbandingannya kita agak terkebelakang daripada beberapa negara, kerana sesetengah negara mempunyai usia persaraan relatif lewat. Misalnya Thailand (60), Singapura (62), India (58), Amerika Syarikat (62). Malah ada negara kakitangannya bersara pada usia 67 tahun.

Jika dilihat di kalangan mereka yang bersara, mereka sebenarnya berada di tahap masih bertenaga, mental dan fizikal. Kita tentunya tidak mahu terus melihat seorang pesara dikenali dengan imej stereotaip iaitu menghabiskan masa dengan anak cucu atau lepak di warung kopi.

Pada ketika negara menghadapi krisis tenaga kerja mahir untuk merencanakan tempo pembangunan negara, keperluan untuk kerajaan menimbangkan secara serius pelanjutan usia bersara ini dilihat amat mendesak.

Krisis tenaga yang paling serius dilihat

berlaku dalam sektor perubatan dan pendidikan tinggi ekoran penghijrahan ke sektor swasta atas alasan gaji dan faedah yang lebih menarik.

Kerajaan mungkin tidak berupaya membendung penghijrahan ini, namun bagi menampung kekurangan tenaga mahir yang berterusan dalam sektor awam, menaikkan usia bersara dilihat amat praktikal.

Sektor pendidikan yang memerlukan guru mahir lagi berpengalaman dalam mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik sudah pasti bakal menikmati faedah paling besar jika cadangan ini dilaksanakan.

Paling tidak kerajaan tidak perlu bersusah payah untuk memanggil balik guru-guru ini berkhidmat secara kontrak khususnya di sekolah-sekolah luar bandar seperti yang diamalkan sekarang.

Di peringkat pengajian tinggi, keperluan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan selewat 60 tahun lebih mendesak. Kerajaan tentunya tidak mampu melihat saban tahun sebahagian besar daripada mereka yang pakar dalam bidang masing-masing bersara ketika mana khidmat dan kepakaran mereka masih diperlukan.

Ini ditambah dengan faktor sejumlah wang yang telah dilaburkan untuk membiayai pengajian dan kepakaran mereka.

Golongan akademik yang sebahagian besarnya memperoleh doktor falsafah

(Ph.D) di usia 40-an tentunya tidak lagi puas untuk terus mencanai minda mencurah ilmu.

Pada masa yang sama, kerajaan juga dapat menampung kekurangan tenaga pakar akademik di IPTA berikutan penghijrahan mereka ke IPT yang menawarkan insentif lebih menarik.

Begitu juga sektor kesihatan dan perubatan yang sentiasa menghadapi masalah kekurangan pegawai perubatan mungkin dapat diatasi sekiranya cadangan ini dilaksanakan. Dalam pada itu, tahap kesihatan yang semakin baik dinikmati oleh rakyat negara ini juga perlu diambil kira.

Dengan jangka hayat yang semakin memberangsangkan iaitu 72 tahun untuk wanita dan 69 bagi lelaki, keupayaan untuk bekerja dengan sihat selewat 60 tahun memang tidak boleh diragukan lagi. Jika golongan petani yang bekerja di bawah panas terik matahari, membanting tulang empat kerat boleh bekerja dengan produktif dan turut menyumbang kepada pembangunan negara, amatlah menghairankan pegawai kerajaan pula berhenti "bekerja" seawal usia 55 tahun.

Namun begitu, perlu juga diingat tentunya tidak ramai kakitangan awam yang bersedia untuk menambah bertahun-tahun lagi untuk terus bekerja.

- AHMAD KAMIL MOHAMED,
UITM Segamat, Johor.